

Qalam

Bilangan 51 – Safar 1374 – Oktober 1954 – 60 sen

Langkah Pelajaran Singapura Berbahaya

Di dalam kenyataannya kepada akhbar tempatan, Nazir Agung bagi sekolah-sekolah Singapura Tuan T.P.M Louis telah menyatakan bahawa pelajaran campur di antara murid-murid lelaki dan murid-murid perempuan yang telah dicubakan di kelas-kelas rendah (*primary*) sekarang ini sedang diluaskan lagi kepada sekolah-sekolah menengah (*secondary*) dan katanya, nampaknya murid-murid sekolah gemar akan langkah pelajaran di dalam kelas campuran itu. Ia menyatakan juga bahawa tidak ada bangkangan yang diterimanya sama ada dari pihak murid atau pun dari pihak ibu bapa mereka.

Sebab-sebab yang diberi kerana mengadakan kelas-kelas campuran itu telah dinyatakannya ialah kerana didapatinya guru lelaki ada lebih banyak daripada guru perempuan dan kerana itu adalah menjadi sangat sukar hendak mengadakan guru-guru perempuan bagi sekolah-sekolah perempuan. Pada mulanya, katanya, ada beberapa ibu bapa masih syak akan kebijakan anak-anak perempuan yang duduk satu kelas bersama-sama dengan anak-anak lelaki dan juga berkenaan dengan perempuan-perempuan yang telah besar yang diajar oleh guru-guru lelaki.

Seterusnya, Tuan Louis menyatakan bahawa ada setengah-setengah anak-anak perempuan itu juga berasa takut kalau-kalau mereka itu dipermainkan oleh kanak-kanak lelaki tetapi sekarang ibu bapa menyatakan bahawa anak-anak perempuan mereka menempuh aliran peribadi yang baharu dan sangat mengambil berat kerana bersaing di dalam pelajaran dengan murid-murid

lelaki.

Sekianlah lebih kurang kenyataan Tuan Louis yang tersiar di dalam akhbar tatkala menyatakan kegembiraannya tentang usaha Jabatan Pelajaran mengadakan sekolah-sekolah campuran di antara murid lelaki dan perempuan yang telah beberapa zaman ditiadakan.

Kita berasa hairan bahawa kononnya tidak ada ibu bapa yang membantah sekolah campuran itu dan dengan kerana itu adalah dijadikan sebab olehnya untuk meluaskan lagi langkah-langkah yang kita pandang sangat berbahaya untuk akhlak dan budi pekerti anak-anak kita pada masa yang akan datang. Cara meminta fikiran di dalam perkara ini, menurut pandangan kita, tatkala hendak menjalankan langkah itu tidaklah ia hanya dibuat sebagai suatu helah lalu mengadakan sesuatu yang dirancangan dan setelah tidak mendapat teguran dan bidasan dengan kerana langkah itu sebagai perbuatan yang dibuat dengan samar-samar itu lalu dijadikan hujah bahawa yang demikian itu digemari oleh ibu bapa murid-murid itu. Sepatutnya sesuatu langkah yang serupa ini, sebelum ia dicuba, diisytiharkan bahawa langkah itu hendak dijalankan dan kemudian fikiran-fikiran diminta kepada am – dan daripada fikiran-fikiran yang didapat dengan sah itulah baharu jabatan itu mengisytiharkan pendapatannya dan buruk-baiknya pendapatan itu.

Kita adalah membantah dengan keras akan langkah-langkah yang dijalankan untuk mencampurkan murid-murid lelaki dan perempuan di dalam sesebuah kelas sekalipun di dalam kelas permulaan (*primary*). Sebab-sebabnya adalah terang bahawa yang demikian itu, sebagaimana keadaan-keadaan yang boleh dibuktikan dengan nyatanya akan membawa kepada punca keruntuhan akhlak. Sudah banyak perkara-perkara yang terjadi di dalam mana anak orang-orang yang baik-baik ataupun kebanyakan yang rosak akhlaknya sebelum ia hidup berumahtangga. Indonesia telah menjerit melihat bagaimana penuntut-penuntut yang duduk bercampur-baur itu telah

banyak menzahirkan anak yang tidak berayah dan menurunkan maruah orang tuanya yang bersifat masih ketimuran – tidak bersifat kebaratan.

Sebab-sebab yang diberi oleh Tuan Louis berkenaan dengan kekurangan guru-guru itu tidaklah boleh dibawa atau dijadikan hujah untuk mencampurkan murid-murid perempuan di dalam satu kelas dengan murid-murid lelaki kerana tidak menjadi satu mani’ – khususnya di dalam sekolah permulaan – guru-guru lelaki mengajar kanak-kanak perempuan. Kita yakin tidak ada bantahan di dalam perkara ini, yang dibantah ialah mencampurkan di antara murid-murid lelaki dengan perempuan di dalam sesuatu kelas kerana ia akan membawa punca akibat-akibat yang besar atas keruntuhan akhlak.

Kita percaya dan berharap mudah-mudahan Jabatan Pelajaran menghapuskan cadangannya itu untuk faedah keselamatan akhlak dan budi pekerti orang-orang Timur dengan berharap janganlah kiranya sekolah-sekolah kerajaan itu ditaja untuk membaratkan terus orang-orang timur supaya berkelakuan kebaratan yang meruntuhkan akhlak mereka menurut pandangan orang timur apalagi bagi orang Islam.

*

Minta Perhatian Ulama-ulama

Dalam lain muka keluaran ini kita ada menyiarkan seruan Kiyai Hāshīm Ash‘ārī penaja Pertubuhan Nahḍah al-‘Ulamā’ dua puluh tahun yang lalu kepada ulama-ulama di Indonesia yang pada masa itu sangat kuat serang-meny Serang di dalam perbincangan yang mengenai masalah yang dinamakan masalah *khilafiyah*. Kita siarkan seruannya itu adalah dengan tujuan meminta perhatian daripada ulama-ulama kita di semenanjung ini, yang nampaknya, daripada apa yang dapat kita lihat bahawa kebanyakannya daripada fikiran dan perhatian orang-orang kita adalah sentiasa berbahas dengan panjang lebar di atas masalah-masalah sebagaimana yang digambarkan oleh Kiyai Hāshīm Ash‘ārī itu pada hal di sekeliling masyarakat kita, anak-anak muda yang bakal

menggantikan kedudukan kita sudah banyak yang menjauhan dirinya daripada agamanya, agama yang diterima daripada ibu bapanya.

Sebab-sebab mereka itu menjauhan diri tidak

lain kerana aliran-aliran yang ada di sekelilingnya dan di sebalik itu pula kerana mereka sentiasa melihat bahawa tidak putus-putusnya terbit perselisihan-perselisihan dan pertentangan-pertentangan di antara ulama dengan ulama di dalam beberapa banyak masalah yang dibesar-besarkan perbincangannya yang menjadi sebab kepada mereka itu, kerana kurang pengertiannya tentang hukum-hukum agama, sudah menjadi serba salah, yang mana satu hendak dipegang sebab kedua-dua belah pihak masing-masing membawa hujah-hujahnya sedang yang menjadi pengadil untuk menetapkan hujah mana yang benar atau hujah mana yang salah, tidak ada.

Kita sebutkan yang di atas ini ialah mengikut daripada pandangan orang-orang awam yang melihat perbincangan-perbincangan yang tidak putus-putusnya itu, lepas satu, satu lagi timbul. Perkara-perkara itu sedang di dalam masa itu, sebagaimana kita sebutkan di atas hal-ehwal yang mustahak, diperhatikan atau yang mustahak dikawal oleh ulama-ulama itu bocor dan akibatnya perasaan tidak puas hati melihat keadaan-keadaan yang serupa itu timbul khususnya di dalam lingkungan pemuda-pemuda yang bakal menggantikan tempat mereka.

Pemuda-pemuda kita sedikit benar yang cenderung dan mempunyai keyakinan kepada agamanya; lebih banyak daripada pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi kita yang tidak acuh lagi tentang hukum-hukum agamanya apalagi mentaatinya. Ini kita fikir tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun kerana dapat kita lihat bagaimana jauhnya sudah perjalanan mereka tersimpang daripada maksud dan kehendak-kehendak yang diajarkan oleh agama. Hal ini lebih-lebih lagi bagi mereka yang berpelajaran Inggeris, yang telah banyak membaca buku-buku Barat sehingga ada di antara golongan-golongan ini yang telah menjalankan langkah bukannya sahaja sudah meninggalkan agamanya tetapi telah menjadi golongan-golongan yang menafikan wujudnya Allah Subḥānahu wa Ta‘ālā; sedang di dalam kejadian-kejadian yang serupa itu telah ada ulama kita masih kuat lagi mempersoalkan